


SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

HARGA RUNCIT PRODUK PETROLEUM BAGI TEMPOH 15 JUN 2019 SEHINGGA 21 JUN 2019



HARGA RUNCIT PRODUK PETROLEUM BAGI TEMPOH
15 JUN SEHINGGA 21 JUN 2019



HARGA RUNCIT PRODUK PETROL **RON95** DAN **DIESEL** BAGI TEMPOH DI ATAS ADALAH **DIKEKALKAN** PADA PARAS **RM2.08** SELITER DAN **RM2.18** SELITER BERIKUTAN KEPUTUSAN KERAJAAN

Berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM), harga runcit produk petroleum bagi tempoh 15 Jun 2019 sehingga 21 Jun 2019 adalah ditetapkan seperti berikut:

1. harga runcit petrol RON97 turun sebanyak 22 sen seliter iaitu daripada RM2.63 seliter kepada RM2.41 seliter;
2. harga runcit petrol RON95 kekal pada paras RM2.08 seliter; dan
3. harga runcit diesel kekal pada paras RM2.18 seliter.

Penurunan ini adalah berikutan harga produk petroleum yang diproses (*refined product*) di pasaran dunia yang telah menunjukkan trend penurunan susulan penurunan purata harga minyak mentah *Brent* berbanding minggu sebelumnya. Pada masa yang sama, perkembangan semasa berikutan ketegangan di rantau Teluk seperti yang berlaku semalam juga berkemungkinan memberi kesan kepada kenaikan harga minyak dunia.

Berdasarkan pengiraan di bawah formula APM, harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi tempoh yang sama sepatutnya adalah sebanyak RM2.11 seliter dan RM2.19 seliter masing-masing. Namun, harga runcit bagi kedua-dua produk adalah dikekalkan pada paras RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter selaras dengan keputusan Kerajaan untuk menstabilkan harga runcit bagi produk petroleum dan mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Sayangi Malaysiaku!

Lim Guan Eng

Menteri Kewangan

Kementerian Kewangan Malaysia

Putrajaya

Like Be the first of your friends to like this.

